

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	4/7/2014

Perdana Menteri beri jaminan Malaysia akan terus komited Hab pendidikan kelas dunia

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD
pengarang@utusan.com.my

SEPANG 3 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan pembinaan Universiti Xiamen kampus Malaysia yang dijangka siap September tahun depan sebagai tanda komitmen kerajaan menjadikan negara ini sebagai hab pendidikan berkelas dunia.

Perdana Menteri berkata, dengan berada pada kedudukan ke-11 destinasi pendidikan pilihan paling utama seperti yang tersenarai di dalam Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO), Malaysia berhasrat untuk memperbaiki kedudukan itu.

Selain itu beliau berkata, kewujudan cawangan universiti terkenal dari China itu di negara ini turut menjadi simbolik kepada kerjasama erat Malaysia dengan negara tersebut yang telah terjalin sejak 40 tahun lalu khususnya dalam bidang pendidikan.

"Persetujuan Universiti Xiamen memilih Malaysia sebagai kampus pertamanya di luar negara juga boleh dianggap satu lakaran sejarah kerana pengasas universiti berkenaan iaitu mendiang Tan Kah Kee merupakan usahawan yang berasal dari Malaysia.

"Beliau yang dikenali sebagai Henry Ford Malaya telah mengasaskan universiti ini pada 1921 di China dan sekarang selepas lebih 90 tahun Universiti Xiamen ditubuhkan, kampus luar negaranya yang pertama telah dibina di tanah asal pengasasnya. Jika Kah Kee masih hidup pasti beliau berasa bangga," katanya.



NAJIB Tun Razak beramah mesra dengan Zhu Chongshi selepas majlis pecah tanah Universiti Xiamen kampus Malaysia di Sepang, semalam. Turut kelihatan Chen Shun (kiri) dan Wakil Khas Perdana Menteri di China, Tan Sri Ong Ka Ting (dua, kanan).
-BERNAMA

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada majlis pecah tanah Universiti Xiamen kampus Malaysia di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Penolong Menteri Pendidikan China, Chen Shun dan

Presiden Universiti Xiamen, Prof. Dr. Zhu Chongshi.

Najib berkata, sebagai sebuah universiti berprestij, penubuhan kampusnya di Malaysia turut memberi banyak pilihan terutama kepada pelajar tempatan untuk melanjutkan pelajaran dengan kos yang berpatutan.

"Universiti Xiamen dikenali hingga ke peringkat antarabangsa dan sudah tentu ia mampu menarik ramai pelajar dari luar negara untuk melanjutkan pengajian mereka ke Malaysia namun kewujudannya turut memberi manfaat kepada pelajar-pelajar kita di sini.

"Tidak semua pelajar Malay-

sia mampu melanjutkan pengajian hingga ke luar negara, oleh itu dengan adanya Universiti Xiamen kampus Malaysia mereka boleh melanjutkan pengajian di sebuah universiti terkenal dengan kos yang munasabah," katanya lagi.

Beliau berkata, Universiti Xiamen kampus Malaysia akan dibina di atas tanah seluas 60.7 hektar melibatkan lima bangunan akademik, enam pusat kediaman pelajar, pusat aktiviti pelajar, kemudahan sukan, kafeteria yang mampu menampung sehingga 10,000 orang pelajar.

Beliau turut mengimbau usaha keras kedua-dua buah negara untuk membina Universiti Xiamen kampus Malaysia dan pada Februari 2013 satu perjanjian telah dimeterai antara universiti itu dengan Sunsuria Development Sdn. Bhd. bagi tujuan pembinaannya di sini.

"Kemudian pada Oktober 2013, saya dan Presiden China, Xi Jinping telah menyaksikan majlis tandatangan melibatkan Bank Pembangunan China yang menyediakan sumber kewangan bagi pembinaan kampus tersebut.

"Walau apa pun keputusan Universiti Xiamen untuk membuka kampusnya di sini tidak akan berlaku tanpa adanya hubungan yang erat antara Malaysia dan China," katanya lagi.

Najib berkata, selain pembinaan universiti itu, kewujudan Taman Perindustrian Qinzhou (Chingchou) dan Taman Perindustrian Malaysia-China Kuantan serta kehadiran pasangan panda yang diberi nama Xing Xing dan Liang Liang turut menjadi bukti kepada kekuatan hubungan antara Malaysia dan China.